

**MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM  
PEMBELAJARAN PENDIDIKAN  
ISLAM DALAM KALANGAN  
MURID MENENGAH ATAS**

**ZAINATUL AZEAN BINTI ZULKIFLI**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**

**MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM  
DALAM KALANGAN MURID MENENGAH ATAS**

**ZAINATUL AZEAN BINTI ZULKIFLI**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PENDIDIKAN ISLAM)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**

ARSIP/PLA/BL/27  
Fod. 01/01/2023

Sila tandai (✓)  
Kertas Projek  
Sajana Penyelidikan  
Sajana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

### INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 (hari bulan) MEI (bulan) 2023

#### I. Perakuan pelajar:

Saya, ZAHNATUL AZEEN BINTI SUKRIE, M20201000315 / SARIK KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN MURID MENENGAH ATAS

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeliraran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

#### II. Perakuan Penyelia:

Saya, DR NORHISHAM BIN MUHAMMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN MURID MENENGAH ATAS

(TARIK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenulunya syarat untuk memperoleh ijazah SARJANA AN-PENDIDIKAN ISLAM (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH)

29/05/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia

UPSI/PPS/080311  
Pind. 01 mla 111
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM PEMBELAJARAN  
PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN MURID MENENGAH  
ATAS

No. Matrik / Matric's No. M20201000375

Saya / I: ZAINATUL AZEEN BT ZULKIFLI  
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

 **SULIT/CONFIDENTIAL**


Mengandungi maklumat yang bersifat keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rangsang 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


 **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditetapkan oleh organisasi/badan di mana penyediaan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where prepared

 **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**
**DR. NORHISHAM BIN MUHAMMAD**

 Pensyarah Kanan  
Jabatan Pengajaran Islam  
Fakulti Sains & Amalan Islam  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

  
(Tandatangan Pelajar / Signature)

  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

 Tarikh: 29/5/23

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan secara jelas dan terperinci laporan ini perlu diklasifikasi sebagai SULIT atau TERHAD

Note: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with precise and detailed description of why this report should be classified as SULIT or RESTRICTED



## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dengan Rahmat serta izin-Nya disertasi ini dapat disiapkan dengan jayanya. Dengan limpah kurnia daripada-Nya, diberikan kesihatan yang baik untuk menyiapkan kajian ini.

Pertamanya sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Norhisyam bin Mohamad sebagai penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan tunjuk ajar. Seterusnya barisan pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang tidak jemu mencurahkan ilmu kepada pelajar-pelajar.

Terima kasih kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia atas Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang diberikan membuka ruang dan peluang untuk meneruskan pengajian di peringkat sarjana. Seterusnya, sepanjang proses menggumpul bahan kajian, menggarap idea penulisan, pemerolehan data dan analisis sehingga ke proses dokumentasi penyelidikan ini telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada pelbagai pihak dan individu. Ucapan terima kasih diucapkan kepada pihak pentadbiran Institut Pasca Siswazah UPSI (IPS), Unit Pengurusan Akademik Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Research and Innovation Centre (RMIC UPSI), Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara, Pengetua-pengetua sekolah-sekolah Daerah Kinta Utara serta responden kajian. Terima kasih atas kerjasama yang diberikan untuk menjayakan kajian ini.

Tidak dilupakan sahabat-sahabat seperjuangan yang banyak mencurahkan ilmu, panduan serta suntikan semangat dalam meneruskan penyelidikan dan penulisan sehingga ke akhirnya. Terima kasih atas jasa baik serta persahabatan kalian. Seterusnya dedikasi khas buat insan tersayang Bonda Sinor bt Pian serta suami Rozaimi bin Che Naya serta anak-anak yang sentiasa memberikan sokongan serta dorongan untuk meneruskan pengajian dan penyelidikan ini. Semoga Allah SWT mengganjari kalian semua dengan Rahmat dan Keampunan-Nya atas kebaikan yang diberikan. Akhir kalam, sekali lagi saya merakamkan penghargaan ke atas semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan dan penulisan disertasi ini. Terima kasih.





## ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam, jenis aplikasi media sosial yang paling diminati, dan cabaran penggunaannya. Pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk kajian tinjauan telah dipilih untuk melaksanakan kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang dibina hasil adaptasi dan melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Seterusnya, pengkaji telah mengedar borang soal selidik kepada 346 orang murid menengah atas yang beragama Islam di Daerah Kinta Utara dengan menggunakan kaedah pensampelan kelompok. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Hasil analisis deskriptif ditunjukkan dalam bentuk frekuensi, peratusan, mod, min, dan sisihan piawai. Manakala analisis inferensi diperolehi melalui Ujian-t dan Ujian korelasi *Pearson*. Hasil kajian melalui analisis deskriptif mendapati bahawa tahap penggunaan media sosial dalam proses pembelajaran Pendidikan Islam adalah tinggi dan menunjukkan murid-murid telah menerima baik medium ini sebagai salah satu medium pembelajaran. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan aplikasi *Telegram* merupakan aplikasi media sosial yang paling diminati oleh murid-murid. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat cabaran dalam penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam. Menerusi analisis inferensi, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam antara murid lelaki dan perempuan. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana antara tahap dan cabaran penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam. Kesimpulannya, media sosial merupakan medium yang dapat membantu pembelajaran Pendidikan Islam, namun terdapat cabaran-cabaran dalam perlaksanaannya yang perlu diperhalusi. Justeru, hasil kajian ini memberi impak kepada KPM dan juga warga pendidikan amnya untuk merangka cadangan penyelesaian bagi cabaran dan permasalahan yang timbul dalam menjayakan pembelajaran Pendidikan Islam menerusi media sosial.





## SOCIAL MEDIA AS A LEARNING MEDIUM ISLAMIC EDUCATION AMONG UPPER SECONDARY STUDENTS

### ABSTRACT

The objective of this study is to identify the level of use of social media as a medium of learning for Islamic Studies, the most popular type of social media application, dan the challenges of its usage. A quantitative approach through survey research design was selected to implement this study. The research instrument used is a questionnaire constructed as a result of adaptation, through the process of validity and reliability. Next, the researcher distributed questionnaires to 346 Muslim upper secondary school students at Kinta Utara District using cluster sampling approach. Data is analysed using *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) software. The outcome of descriptive analysis is shown in frequency, percentage, mod, min, and standard deviation. Meanwhile, the inference analysis is obtained through t-Test and Pearson correlation test. The research outcome through descriptive analysis found that the level of use of social media in learning Religious Studies is high and students have well received it as one of the mediums of learning. Additionally, the research findings showed that *Telegram* is the most popular social media application among students. Based on the findings, there are challenges in the use of social media as a medium of learning Religious Studies. Through inference analysis, the research findings showed there to be significant differences between male and female students on their use of social media as a medium to learn Religious Studies. Meanwhile, the research findings showed a moderate relationship between the level of use and the challenges in using social media as a medium of learning Religious Studies. In conclusion, social media is a medium that can help with the learning of Religious Studies. However, there are challenges in its implementation that need closer examination. Thus, the results of this research have propelled the Ministry of Education, as well as educators generally, to formulate proposed solutions for challenges and problems that arise in the learning of Religious Studies through social media.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv



1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Persoalan Kajian	11
1.7	Hipotesis Kajian	12
1.8	Kerangka Teori Kajian	13
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.10	Kepentingan Kajian	17
	1.10.1 Bidang Akademik	17
	1.10.2 Bidang Praktikal	18





1.11	Batasan Kajian	19
1.12	Definisi Operasional	21
1.12.1	Media Sosial	21
1.12.2	Medium Pembelajaran	22
1.12.3	Pendidikan Islam	22
1.12.4	Menengah Atas	23
1.13	Rumusan Bab	23

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	24
2.2	Perkembangan Teknologi Komunikasi Maklumat di Malaysia.	25
2.3	Persekitaran Pembelajaran Maya di Malaysia	27
2.4	Media Sosial Sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam	31
2.5	Teori Berkaitan Kajian	35
2.5.1	Teori Barat berkaitan TMK dalam Pendidikan.	36
2.5.2	Teori Pendidikan Ibnu Khaldun	40
2.6	Tahap Penggunaan Media Sosial dalam Pendidikan Islam	45
2.7	Jenis Aplikasi Media Sosial	49
2.7.1	Aplikasi <i>Youtube</i>	50
2.7.2	Aplikasi <i>Whatsapp</i>	50
2.7.3	Aplikasi <i>Facebook</i>	51
2.7.4	Aplikasi <i>Instagram</i>	51
2.7.5	Aplikasi <i>Telegram</i>	52
2.8	Isu dan Cabaran dalam Penggunaan Media Sosial	53
2.9	Kajian Lepas	57
2.10	Rumusan	68

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	69
3.2	Rekabentuk Kajian	70
3.3	Populasi dan sampel	71
3.4	Instrumen Kajian	73
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	76
	3.5.1 Kesahan	77
	3.5.2 Kebolehpercayaan	79
3.6	Kajian Rintis	80
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	82
3.8	Kaedah Menganalisis Data	83
	3.8.1 Analisis Statistik Deskriptif	84
	3.8.2 Analisis Statistik Inferensi	84
3.9	Rumusan	86

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	87
4.2	Latar Belakang Responden	88
4.3	Tahap Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam	96
4.4	Jenis Aplikasi Media Sosial yang Paling Diminati sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam.	102
4.5	Cabaran Penggunaan Media Sosial dalam Pembelajaran Pendidikan Islam.	108
4.6	Perbezaan Tahap Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam berdasarkan jantina.	115
4.7	Hubungan antara Cabaran dalam Penggunaan Media Sosial dengan Tahap Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam.	116





4.8	Rumusan	118
-----	---------	-----

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	119
-----	-------------	-----

5.2	Rumusan Kajian	120
-----	----------------	-----

5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	121
-----	-----------------------------	-----

5.3.1	Tahap Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam.	121
-------	---	-----

5.3.2	Jenis Aplikasi Media Sosial yang Paling Diminati sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam.	124
-------	--	-----

5.3.3	Cabaran dalam Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam	125
-------	--	-----

5.3.4	Perbezaan Tahap Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam berdasarkan jantina murid.	128
-------	---	-----

5.3.5	Hubungan antara Cabaran dalam Penggunaan Media Sosial dengan Tahap Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam.	129
-------	--	-----

5.4.	Implikasi Kajian	130
------	------------------	-----

5.4.1	Bidang Akademik	130
-------	-----------------	-----

5.4.2	Pelaksana Pembelajaran Pendidikan Islam	131
-------	---	-----

5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	134
-----	--------------------------	-----

5.6	Rumusan	135
-----	---------	-----

<b>RUJUKAN</b>		137
----------------	--	-----

## **LAMPIRAN**



**SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
3.1 Analisis Enrolmen Murid Tingkatan 4 (dikeluarkan Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara)	71
3.2 Pembahagian zon di sekolah –sekolah Kinta Utara Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara.	73
3.3 Pembahagian Item Soalan dalam Borang Soal Selidik	74
3.4 Taburan Skala Likert (Kekerapan)	75
3.5 Taburan Skala Likert (Persetujuan)	75
3.6 Senarai Pakar yang Dilantik bagi Proses Kesahan Instrumen	78
3.7 Jadual Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	80
3.8 Nilai Cronbach Alpha bagi Instrumen Soal Selidik)	81
3.9 Ringkasan Prosedur Analisis Kajian	85
4.1 Profil Latar Belakang Responden Kajian	89
4.2 Profil Latar Belakang Responden Kajian (Penggunaan Media Sosial)	92
4.3 Tahap Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam	96
4.4 Statistik Deskriptif Tahap Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam Aplikasi Youtube.	100
4.5 Persepsi dan Penggunaan Media berdasarkan Jenis Aplikasi Media Sosial	102
4.6 Statistik Deskriptif Persepsi dan Penggunaan Media Sosial Berdasarkan Jenis Aplikasi Media Sosial	105
4.7 Cabaran dalam Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam	109
4.8 Statistik Deskriptif Cabaran dalam Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam	111
4.9 Analisis Ujian-F (LeveneTest) bagi Menentukan Nilai Homogen	115



4.10	Analisis Ujian-t tentang Tahap Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam	116
4.11	Statistik Korelasi bagi Dua Pemboleh ubah Kajian	117
4.12	Kekuatan Hubungan mengikut Nilai Korelasi	118





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoritikal Kajian	13
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	16
2.1 Contoh Penggunaan Aplikasi Whatsapp sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam.	47
2.2 Contoh Penggunaan Aplikasi Youtube sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam.	48
2.3 Contoh Penggunaan Aplikasi Facebook sebagai Medium Pembelajaran Pendidikan Islam.	49
4.1 Keadaan Liputan Internet di Kawasan Tempat Tinggal	90
4.2 Keadaan Liputan Internet di Kawasan Sekolah	91
4.3 Kekerapan Akses Media Sosial dalam Seminggu	94
4.4 Purata Jumlah Jam Digunakan untuk Akses Media Sosial dalam Sehari	95
4.5 Perbandingan Nilai Skor Min bagi Setiap Jenis Aplikasi	107



**SENARAI SINGKATAN**

&	dan
COVID 19	<i>Corona Virus Disease 2019</i>
et al	Latin:et alii/alia dan lain-lain melebihi dua
GPI	Guru Pendidikan Islam
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SAW	Sallallahu 'alaihi wasallam
SPSS	<i>Statiscal Packages for The Social Science</i>
SWT	Subhanu wa ta'ala
TAM	<i>Technology Acceptance Model</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi





## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian EPRD
- B Surat Kelulusan Etika RMIC UPSI
- C Pengesahan Pelajar Menjalankan Penyelidikan
- D Surat Kelulusan Menjalankan Kajian JPN, Perak
- E Surat Kelulusan Menjalankan Kajian PPD Kinta Utara
- F Senarai Sekolah Menengah Mengikut Zon Daerah Kinta Utara
- G Analisis Enrolmen Murid Tingkatan 4  
(Beragama Islam Kinta Utara)
- H Instrumen Soal Selidik







## BAB 1

### Pengenalan



Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dilihat sebagai satu aspek penting yang menyumbang kepada kemajuan sesebuah negara. TMK telah diterima secara global yang menjadikan dunia tanpa sempadan dan membawa pengaruh hebat dalam semua aspek kehidupan manusia (Musa Abu Hassan, 2008). TMK dilihat sebagai suatu medium yang boleh membolehkan proses interaksi sesama manusia dengan lebih mudah dan berkesan. Masyarakat di dunia pada masa kini, sangat terkesan dengan kemajuan TMK yang menjadi medium perhubungan manusia sejangat.

Perkembangan TMK ini juga telah mengubah corak kehidupan dan pemikiran yang lebih inovatif dan kreatif khususnya kepada penduduk di Malaysia (Mokmin Basri, 2004). Bidang pendidikan tidak terkecuali dalam menerima kesan daripada





pengaruh TMK. Visi dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga diselaraskan dengan ledakan TMK ini agar menepati keperluan masyarakat mengikuti perkembangan pendidikan terkini (KPM, 2012).

Sehubungan dengan itu, KPM mengambil langkah progresif bagi membangunkan sistem pendidikan yang berdaya saing dan berkualiti sejajar hasrat memartabatkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia (KPM, 2013). Pendidikan seumur hidup telah diterjemahkan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan usaha yang berterusan membangunkan individu holistik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) (KPM, 2001). Bagi merealisasikan matlamat yang dihasratkan, maka KPM merencana Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 sebagai langkah pembentukan murid secara holistik.



Terdapat sebelas anjakan direncanakan dalam PPPM termasuk anjakan ketujuh yang mengetengahkan elemen kemajuan TMK dalam menjayakan sistem pendidikan yang berkualiti dan berdaya saing. Salah satu aspek yang dititikberatkan dalam PPPM melalui anjakan ketujuh adalah meningkatkan penggunaan TMK bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri dan meluaskan akses bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berkualiti tidak mengira di mana lokasi dan kemahiran murid (PPPM 2013-2025).

Sehubungan dengan itu, antara pendekatan yang dilaksanakan ialah melalui kaedah Pembelajaran Pelbagai Mod (*Blended Learning*). Pembelajaran pelbagai mod yang merupakan gabungan pendekatan pengajaran bersemuka dan pendekatan pengajaran dibantu teknologi (KPM, 2013). Pendekatan pembelajaran teradun atau





*Blended Learning* adalah antara pendekatan yang baik dalam menyeimbangkan antara pembelajaran bersemuka dan pembelajaran *online*. Kedua-dua kaedah ini disifatkan saling melengkapi dan mempunyai kekuatan tersendiri dalam menjayakan sistem pembelajaran (Muhammad Modi Lakulu et al., 2018.)

Selain itu, strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh diketengahkan ialah *Flipped Classroom*. Pembelajaran melalui kaedah *Flipped Classroom* menuntut murid-murid bersedia dengan carian maklumat melalui tugas-tugas yang diberikan oleh guru sebelum kelas bermula. (Yap dan Ruhizan Mohd Yassin, 2019). Ini bertepatan dengan anjakan ketujuh dalam 11 anjakan transformasi pendidikan Malaysia yang menekankan penggunaan TMK sebagai medium pencarian maklumat yang mampu dilaksanakan dengan secara sendiri oleh murid-murid (PPPM 2013-2025). Dalam konteks ini, jaringan media sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam menyokong pendidikan pada masa kini. Melalui akses di media sosial membolehkan murid-murid berdikari dan tidak hanya bergantung kepada guru sahaja untuk mendapatkan ilmu dan maklumat (Zainab Zakirah Abdul Halim et al, 2019).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kewujudan media sosial sememangnya banyak membantu perkembangan pembelajaran murid pada masa kini seterusnya telah mengubah landskap pendidikan tidak hanya bertumpukan kepada teks. Media sosial menyediakan pelbagai medium untuk berinteraksi dan berkomunikasi sambil belajar (Noor Athirah Mokhtar et al., 2019). Tambahan pula, media sosial diperkaya dengan animasi, audio, dan video yang menarik





minat murid-murid (Muhammad Fairman Haronzah et al., 2019). Perkara ini turut disokong oleh Muhammad Hazwan Johari et al., (2019), media sosial adalah media yang berkesan untuk media berkomunikasi yang betul secara atas talian dan memudahkan pengguna untuk berkongsi, mencipta rangkaian sosial, forum dan menyalurkan informasi dengan mudah.

Subjek Pendidikan Islam turut menyokong pelan terbaharu KPM melalui pembelajaran berteraskan teknologi. Ini kerana pada dasarnya Islam tidak pernah menolak proses kemajuan dan menyeru kepada keseimbangan antara keperluan di dunia dan akhirat (Mardhiyyah Mamat et al., 2016). Penggunaan media sosial dilihat sebagai suatu perkara yang dapat mengembangkan pemikiran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Malaysia. Penggunaan media sosial dalam pembelajaran, khususnya Pendidikan Islam dapat memudahkan murid untuk mendapatkan bahan rujukan secara *online* dan memudahkan proses komunikasi antara guru dan murid (Aisyah Sjahrony dan Maimun Aqsha Lubis, 2016).

Oleh itu, penggunaan media sosial dilihat dapat mendorong perkembangan yang positif terhadap pembelajaran murid. Fungsi audio dan visual yang terdapat di media sosial dapat membantu proses pembelajaran murid dan membuka ruang untuk murid meneroka dengan mendalam terhadap maklumat baru berkaitan pembelajaran di media sosial (Noraien Mansor, 2020). Walaubagaimanapun, berdasarkan dapatan kajian lepas menunjukkan terdapat masalah dalam penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran. Murid-murid berdepan dengan masalah dari sudut kemudahan akses internet, suasana persekitaran dan juga cabaran dari sudut kandungan di media sosial yang didapati boleh menjejaskan tumpuan terhadap pembelajaran.





Justeru, apa yang diketengahkan melalui kajian ini adalah berkaitan penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid. Selain itu, pengkaji juga mengetengahkan cabaran yang dihadapi oleh murid dalam menjayakan pembelajaran Pendidikan Islam menerusi media sosial. Pada pendapat pengkaji, masih kurang kajian berkaitan penggunaan dan cabaran penggunaan media sosial khususnya bagi subjek Pendidikan Islam dilaksanakan di peringkat sekolah menengah berbanding kajian terhadap pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT). Maka pengkaji berharap dengan kajian yang akan dilaksanakan dapat menutup kelompongangan yang berlaku dan mampu diselesaikan dengan pendekatan yang terbaik melalui penyelidikan bersifat empirikal.



Penggunaan teknologi sememangnya memberi impak terhadap pengajaran dan pembelajaran sekaligus menyumbang kepada kelancaran proses pendidikan yang melibatkan semua subjek termasuklah bidang Pendidikan Islam. Secara umumnya, pembelajaran *online* mengundang pelbagai reaksi positif dan negatif. Berdasarkan fokus kajian ini, pengkaji mendapati terdapat beberapa masalah yang timbul dalam penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran. Masalah–masalah tersebut didapati mengganggu kelangsungan pembelajaran *online* khususnya menerusi media sosial.





Antara isu utama yang timbul berkaitan pembelajaran melalui medium media sosial adalah masalah akses internet yang menghalang penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran. Kaedah pembelajaran *online* didapati kurang berkesan kerana faktor kekangan ekonomi dari sudut prasarana dan akses internet (Briliaannur et al, 2020). Kajian turut mendapati bahawa para murid kurang bersedia dari aspek teknologi. Perkara ini dipersetujui oleh pengkaji lain yang turut melaporkan tentang masalah akses internet. Kajian oleh Goliong et al., (2020) mendapati bahawa murid- murid berdepan dengan pelbagai cabaran dalam pembelajaran *online*. Antaranya ialah cabaran dari sudut komunikasi antara guru dengan murid khususnya berkaitan akses internet dan aspek kemudahan peranti internet.

Faktor persekitaran tempat tinggal murid sememangnya mempengaruhi akses internet oleh murid. Murid-murid yang tinggal di luar bandar dan pedalaman berhadapan dengan masalah capaian internet yang lemah yang menghalang penggunaan media sosial secara optimum untuk tujuan pembelajaran (Mahathir Wahab dan Wardatul Hayah Adnan, 2021; Zawiah Bahrom, 2020; Quah, 2020; Nor Fauziana Mohd Salleh, 2020; Hasliza Hashim et al., 2016). Kekangan dari sudut fasiliti internet merupakan situasi yang sering berlaku dan menjadi cabaran utama dalam menjayakan pembelajaran *online*. Perkara ini perlu diberikan perhatian untuk mengelakkan jurang kesaksamaan akses kepada pendidikan bagi murid yang berdepan dengan kekangan fasiliti internet (Muniroh Hamat et al., 2020).

Isu kedua yang diketengahkan dalam kajian ini adalah penerimaan dan murid dalam pembelajaran melalui medium media sosial. Terdapat cabaran dari sudut sikap murid dalam melaksanakan pembelajaran menerusi media sosial. Kajian oleh Goliong





et al., 2020) mendapati bahawa wujud permasalahan dalam pembelajaran melalui media sosial disebabkan oleh sikap murid. Antara dapatan kajian tersebut ialah murid tidak melengkapkan tugas yang diberikan, murid berasa stress dengan tugas, murid lewat menghantar tugas dan bahkan terdapat murid yang langsung tidak menghantar tugas kepada guru. Selain itu, didapati juga murid-murid tidak mahir dalam penggunaan media sosial, sebagai contoh murid tidak mahir untuk merujuk dan membuka tugas yang dimuatnaik melalui *Whatsapp*, *Telegram* atau *Email*.

Isu seterusnya adalah berkaitan cabaran dalam penggunaan media sosial media dalam pembelajaran dan faktor persekitaran murid. Melalui dapatan kajian oleh Mahathir Wahab dan Wardatul Hayat Adnan (2021) menyatakan pembelajaran menerusi media sosial menghadapi cabaran dari sudut suasana persekitaran yang tidak membantu tumpuan terhadap pembelajaran. Kajian kualitatif tersebut telah dilaksanakan terhadap 10 orang pelajar IPTA melalui kaedah temubual. Berdasarkan hasil temubual tersebut, peserta kajian menyatakan melalui pembelajaran *online*, mereka bebas melaksanakan dua atau tiga perkara dalam satu masa. Tumpuan pelajar terjejas apabila membuka beberapa *tab* atau halaman lain seperti ruang *chatting* atau halaman hiburan di internet. Selain itu, terdapat juga peserta kajian yang menyatakan mereka tidak dapat memberikan tumpuan terhadap pembelajaran *online* kerana sibuk dengan tugas membantu ibu bapa di rumah.

Seterusnya terdapat isu berkaitan kandungan dan pengaruh negatif yang terdapat di media sosial yang didapati boleh mengganggu proses pembelajaran murid dan juga pembentukan sahsiah murid (Tasnim Rosli et al., 2019). Antara perkara yang dibimbangi adalah lambakan maklumat tidak bertapis di media sosial yang boleh





mempengaruhi murid-murid. Medium media sosial yang terbuka luas menawarkan lambakan informasi yang tidak bertapis yang mencabar integriti maklumat dan kesahihannya (Noor Azaian Abdul Mutalib, 2017; Ahmad Budiman, 2017). Maklumat di media sosial tidak semestinya benar dan sangat penting bagi pengguna media sosial mengamalkan konsep 'Tabayyun'. Justeru, perlunya ada ketelitian dan sikap berhati-hati kerana media sosial adalah yang menawarkan pahala dan dosa, bergantung kepada niat dan cara penggunaannya (Zaharuddin Abdul Rahman, 2012).

Selain itu, wujud kebimbangan terhadap pengaruh luar yang dibawa oleh barat meresap masuk ke dalam media sosial. Situasi ini dilihat sebagai satu ancaman terhadap akidah dan jati diri murid-murid. Kemunculan pelbagai aliran pemikiran dan pegangan seperti *Liberalism*, *Pluralism*, *Hedonisme*, *Dualisme* dan sebagainya dilihat menjadi ancaman kepada murid-murid khususnya (Hambali Jaili & Halimaturradiah Mutussin, 2019; Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017; Mardhiah Mamat et al., 2016). Perkara ini sangat membimbangkan kerana ia bukan sahaja boleh menggagalkan matlamat asal Pendidikan Islam bahkan membawa kepada impak yang lebih buruk iaitu berpaling dari akidah yang sebenar.

Cabaran dalam penggunaan media sosial juga dilihat dari pengaruh negatif yang terdapat di media sosial. Pengaruh negatif yang terdapat di media sosial boleh menggugat potensi media sosial sebagai medium pembelajaran. Menurut Sulaiman Salleh, (2017) menyatakan bahawa terdapat hubungan dan pengaruh yang jelas antara media sosial dengan remaja seperti pengaruh *role model*, pencemaran budaya, dan aliran informasi yang tidak seimbang boleh mendatangkan kesan buruk kepada remaja. Perkara ini dikukuhkan lagi oleh Fazlinda Ab.Halim dan Mohammad Siraj Munir







(2018), melalui dapatan kajiannya, menyatakan murid-murid terdedah dengan lambakan video tidak bermoral di media sosial yang mengundang kepada keruntuhan akhlak remaja.

Seterusnya, murid-murid juga terdedah dengan isu berkaitan pornografi yang boleh mengganggu proses pembelajaran di media sosial. Kebebasan dalam melayari media sosial boleh mendorong ketagihan pornografi. Isu ini diulas oleh Muhammad Syazwan Ayub et al. (2019) dan Mohamad Rafiuddin Mohd Azmi et al. (2019), yang menyatakan golongan remaja juga didapati gemar untuk melayari laman-laman web yang berunsur negatif seperti laman web pornografi. Tuntasnya, penggunaan media sosial yang tidak berlandaskan nilai Islam akan mendatangkan keburukan dan impak negatif (Noor Athirah Mokhtar et al., 2019; Naquiah Nahar et al., 2018; Jamiah H.Manap et al., 2016). Tuntasnya, ibu bapa, guru dan pihak bertanggungjawab dalam membimbing serta mengawal penggunaan media sosial dalam kalangan murid. Tanpa kawalan panduan dan kawalan yang ketat, murid- murid akan hanyut dalam arus hiburan dan hedonisma yang sangat mudah diakses di media sosial (Naquiah Nahar et al., 2018).

Lambakan hiburan dan permainan boleh mengganggu gugat proses pembelajaran di media sosial. Kecuaian dan kelekakan dalam penggunaan medium ini akan mengundang impak negatif kerana unsur-unsur hiburan dan permainan yang melalaikan menjadi persaingan hebat yang menghalang penerimaan pembelajaran (Mohamad Rafiuddin Mohd Azmi et al., 2019). Remaja mudah terjebak dengan ketagihan apabila melayari media sosial tanpa batasan (Nurhamizah Hashim dan Asbah Razali, 2019). Perkara ini disokong oleh Muhammad Syazwan Johari et al., 2019;





Aprina Cintya dan Latifatul Khoiriyah, 2017) yang menyifatkan bahawa golongan remaja adalah golongan yang paling berpengaruh dalam ketagihan media sosial kerana mereka sangat aktif dalam penggunaannya. Apabila perkara ini berlaku, hal ini memberikan kesan dalam pembelajaran iaitu murid akan lebih leka untuk berseronok yang menyebabkan mereka akan ketinggalan dalam peperiksaan.

Maka isu dan cabaran dalam penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam khususnya perlu diteliti dengan serius kerana cabaran ini boleh mengganggu proses penyampaian mesej-mesej Pendidikan Islam di media sosial. Menurut Ab. Halim Tamuri dan Nur Hanani Hussin (2017), kewujudan media sosial kini mengundang cabaran baru dalam dunia pendidikan. Penggunaan media sosial yang tidak terkawal menjadikan generasi muda terutamanya murid yang mempunyai pemikiran yang kurang matang dan alpa sehingga memberi impak negatif terhadap perkembangan akademiknya (Mohamad Rafiuddin Mohd Azmi et al., 2019; Naquiah Naharet.al., 2018). Apa yang ditakuti kemenjadian murid secara holistik yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam gagasan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025), tidak mencapai sasaran kerana modal insan yang diharapkan untuk menjayakan aspirasi murid ini telah leka dengan media sosial yang melalaikan dan merosakkan jika tidak digunakan dengan baik.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap penggunaan dan cabaran penggunaan media sosial dalam pembelajaran Pendidikan Islam.



## 1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya terdapat lima objektif yang terdapat dalam kajian ini, iaitu;

1. Mengenal pasti tahap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam.
2. Mengenal pasti jenis aplikasi media sosial yang paling diminati sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam.
3. Mengenal pasti cabaran penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam.
4. Mengenal pasti perbezaan tahap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam berdasarkan jantina murid.
5. Mengenal pasti hubungan antara cabaran penggunaan media sosial dengan tahap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam.

## 1.6 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam?
2. Apakah jenis aplikasi media sosial yang paling diminati sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam?
3. Apakah cabaran penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam?

4. Adakah terdapat perbezaan tahap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam berdasarkan jantina murid?
5. Adakah terdapat hubungan antara cabaran penggunaan media sosial dengan tahap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam.

### 1.7 Hipotesis Kajian


Hipotesis kajian merupakan jangkaan awal terhadap kajian yang akan dilaksanakan. Setelah dapatan diperolehi, maka hipotesis akan diuji melalui analisis inferensi untuk menentukan sama ada diterima atau ditolak (Fauzi Hussin et.al, 2014).

1. Ho1 Tidak terdapat perbezaan signifikan tahap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid berdasarkan jantina.
2. Ha1 Terdapat perbezaan signifikan tahap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid berdasarkan jantina.
3. Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cabaran penggunaan media sosial dengan tahap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam.
4. Ha2 Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam dengan cabaran dalam penggunaan media media sosial.

## 1.8 Kerangka Teori Kajian

### Rajah 1.1

*Kerangka Teoritikal Kajian Teori Sumber Al-Mukaddimah (2002)*



Pada dasarnya, Islam tidak pernah menolak penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) sebagai salah satu cara dalam menyampaikan maklumat dan mesej ke arah kebaikan. Dalam Surah An- Nisa':63 disebut kalimah *Qaulan Baligha* sebagai satu prinsip komunikasi yang efektif dalam proses penyampaian maklumat. *Qaulan*

*Baligha* membawa maksud kata-kata atau komunikasi yang berkesan yang memberi kesan dan bersesuaian (Zaheril Zainuddin et al., 2017). Dalam konteks kajian, *Qaulan Baligha* diterjemahkan sebagai suatu komunikasi menerusi medium TMK yang bersesuaian mengikut tahap kognitif murid-murid.

Dalam kajian ini terdapat dua kaedah pendidikan yang diadaptasi daripada kaedah pendidikan yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun dalam kitabnya *Al*



*Mukaddimah*. Justifikasi pemilihan konsep *Talqin* sebagai kerangka teori dalam kajian ini adalah kerana konsep *Talqin* dan *Rihlah* diketengahkan dalam kajian ini menepati kaedah pendidikan sama ada secara bersemuka ataupun secara *online*. Walaupun kajian ini dilihat mengetengahkan kaedah pembelajaran berteraskan kemajuan teknologi pada masa kini, namun pengkaji melihat konsep *Talqin* dan *Rihlah* yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun menepati dan dilihat sesuai yang boleh digunapakai dan selari dengan kaedah pendidikan yang berkembang masa kini (Norhapizah Muhammad Burhan, 2022; Ahmad Mohd Salleh, 2011).

Konsep *Talqin* diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun dalam kitabnya *Al-Mukaddimah* merupakan asas utama dalam sesebuah pendidikan kerana sesebuah pendidikan yang berkesan perlu dimulakan dengan penerangan dan pengajaran oleh guru. Penekanan terhadap proses memandang dan mendengar atau *Pandang Dengar* adalah perkara penting yang digunakan dalam pendidikan. Kaedah *Talqin* dapat difahami dengan penerangan oleh guru dan seterusnya mengarahkan murid- murid untuk menghafal sesuatu pelajaran terlebih dahulu (Muhammad Zahirwan Abdul Halim et al., 2019). Dalam kaedah *Talqin*, murid-muridnya dituntut berusaha menghafal Al-Quran atau pengetahuan yang disampaikan kepada mereka.

Terdapat dua elemen yang sangat penting dalam menjayakan *Talqin* iaitu penglihatan dan pendengaran. Konsep *Talqin* atau *Pandang dengar* adalah sesuai untuk diaplikasikan menerusi kaedah pembelajaran bersemuka atau kaedah *online*. Dalam konteks kajian ini, konsep *Talqin* (*Pandang dengar*) diadaptasi sebagai konsep audio dan visual yang digunakan dalam TMK yang menjadi fungsi utama sesebuah medium komunikasi untuk menyampaikan maklumat. Tanpa fungsi audio dan visual,





penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran tidak dapat mencapai objektif penggunaannya.

Konsep *Rihlah* bermaksud pengembaraan yang dilakukan demi untuk meluaskan lagi ilmu (Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi et al., 2021). Ibnu Khaldun mengatakan “maka mengembara mencari ilmu merupakan satu keharusan yang bermanfaat dan ke arah kesempurnaan berilmu”. Peluasan dan pengukuhan ilmu perlu dilakukan oleh murid bagi memperkukuhkan ilmu dengan cara mengembara dan menziarahi guru-guru bagi memperolehi keberkatan dalam pembelajaran. Konsep *Rihlah* adalah bentuk pengembaraan yang bersifat menarik, menghiburkan untuk meluaskan lagi pengetahuan murid-murid.




sebagai suatu bentuk pengembaraan gaya baru yang dikenali sebagai eksplorasi di ruang internet yang disifatkan sebagai interaktif, santai dan mempunyai daya tarikan tersendiri. Di ruang media sosial menghimpunkan pelbagai *page*, *group*, atau *caption* maklumat yang boleh dimanfaatkan untuk menimba ilmu pengetahuan. Tokoh-tokoh agama pada masa kini juga tidak ketinggalan memanfaatkan ruang media sosial untuk menyebarkan ilmu agama. Menurut Dr Yusuf Al-Qaradhawi, (2001) seperti dinyatakan dalam Husni (2015), mengatakan adalah menjadi kewajipan bagi umat Islam agar memanfaatkan TMK sebagai platform dakwah agar umat Islam tidak ketinggalan dalam arus globalisasi.



## 1.9 Kerangka Konseptual Kajian

### Rajah 1.2

#### *Kerangka Konseptual Kajian*



Kerangka konseptual dibina untuk menjelaskan keseluruhan aspek yang dikaji dalam kajian ini. Kerangka konseptual kajian ini memberi gambaran tentang hubungan di antara beberapa pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian seperti dalam Rajah 1.2. Setiap pemboleh ubah dalam kerangka konseptual ini disusun mengikut keutamaan kajian dan selaras dengan objektif kajian. Secara keseluruhannya rajah di atas menggambarkan tentang fenomena pembelajaran *online* yang berlaku pada masa kini.

Media sosial adalah antara medium pembelajaran kini yang sesuai digunakan pada masakini selaras dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Media sosial merupakan medium digital yang boleh menghubungkan antara murid dengan guru, sesama rakan dan bahan pembelajaran. Dalam kajian ini, suatu





tinjauan deskriptif akan dibuat untuk melihat tahap penggunaan media sosial Islam dan cabaran dalam penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam.

Terdapat tiga konstruk utama yang akan dikaji dalam kajian ini iaitu tahap penggunaan, jenis aplikasi yang digunakan dan cabaran penggunaan media sosial dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Selain itu, kajian ini juga melihat perbezaan tahap penggunaan berdasarkan jantina murid dan juga melihat hubungan antara cabaran dengan tahap penggunaan media sosial dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Kerangka konseptual kajian ini juga memberikan petunjuk tentang perancangan kajian. Setiap pemboleh ubah dalam kerangka konseptual ini disusun mengikut keutamaan kajian dan selaras dengan objektif kajian.



## **1.10 Kepentingan Kajian**

Secara umumnya, kepentingan kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu sumbangan dalam bidang akademik iaitu bidang Pendidikan Islam dan sumbangan yang akan memberikan manfaat secara praktikal terhadap murid sekolah, guru, pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

### **1.10.1 Bidang Akademik**

Kajian yang dijalankan akan menjadi sumber rujukan khususnya dalam bidang





Pendidikan Islam pada masa akan datang. Secara tidak langsung kajian ini dapat menutup kelompongan atau jurang kajian yang pernah wujud. Seterusnya melalui kajian ini dapat mendorong ke arah pengembangan teori-teori terkini khususnya berkaitan kaedah pembelajaran berteraskan kemajuan TMK. Selain daripada itu, adalah diharapkan kajian ini dapat memperkayakan bidang ilmu Pendidikan Islam seiring dengan perkembangan pendidikan pada masa kini.

### 1.10.2 Bidang Praktikal

Kajian ini dilaksanakan agar dapat membantu murid dalam meningkatkan pembelajaran melalui kaedah yang sesuai teknologi maklumat agar murid lebih berdaya saing sesuai dengan ledakan teknologi terkini. Murid-murid perlu mahir menggunakan teknologi seperti penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam dan gedung pencarian maklumat. Pembelajaran menerusi media sosial mempunyai potensi tersendiri yang mampu meningkatkan kefahaman murid-murid dan meningkatkan prestasi pembelajaran Pendidikan Islam.

Kajian ini juga bertujuan untuk memperbaiki penyampaian ilmu terhadap murid melalui penggunaan medium yang berkesan seperti medium media sosial. Perkembangan pesat TMK dalam dunia pendidikan pada masa kini menuntut para guru untuk sentiasa menambahkan ilmu serta meningkatkan kemahiran dalam ilmu pedagogi. Guru-guru seharusnya melengkapkan diri dengan kemahiran *cybergogy* supaya dapat menyesuaikan kaedah pengajaran dan material pembelajaran agar bertepatan dengan perkembangan teknologi pendidikan yang terkini.





Seterusnya, kajian ini dapat membantu pihak Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri untuk membina modul pembelajaran Islam yang efektif untuk digunakan di media sosial. Pembinaan modul bersesuaian amatlah penting bagi memastikan isi pengajaran bersesuaian dengan kurikulum yang ditetapkan iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Akhir sekali, kajian ini dijalankan untuk memberi cadangan terhadap cabaran yang berlaku dalam penerimaan media sosial sebagai medium pembelajaran dalam kalangan murid. Perkara ini penting agar proses penerimaan media sosial sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam dapat diasimilasikan dengan jayanya oleh murid- murid seterusnya dapat menjayakan aspirasi murid yang disasarkan.



Batasan kajian atau limitasi kajian ditentukan agar dapat mengelakkan daripada permasalahan yang dikaji tersasar daripada had sempadan yang ditetapkan. (Norfishah Mat Rabi, 2018). Dalam kajian ini, pengkaji telah meletakkan beberapa limitasi kajian untuk memastikan tujuan dan objektif kajian tercapai. Batasan kajian yang ditetapkan adalah merangkumi aspek skop kajian, lokasi kajian, sampel kajian dan jenis aplikasi media sosial.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penggunaan media sosial dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah sahaja. Subjek Pendidikan Islam merupakan antara subjek teras yang diduduki oleh calon-calon SPM. Kajian ini juga mengenal pasti cabaran dalam penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran





Pendidikan Islam. Seterusnya mengenalpasti hubungan antara cabaran dengan tahap penggunaan media sosial dalam Pendidikan Islam.

Lokasi yang dipilih untuk kajian ini ialah di Daerah Kinta Utara di Negeri Perak. Dalam kajian ini populasi melibatkan murid menengah atas di Daerah Kinta Utara adalah mencukupi dan sesuai dengan kajian kuantitatif. Daerah Kinta Utara dipilih kerana daerah tersebut merupakan daerah yang besar dan kedudukannya yang strategik terletak di kawasan bandaraya Ipoh. Rata-rata murid-murid di daerah ini mendapat liputan internet yang baik.

Pemilihan sampel adalah ke atas murid-murid Tingkatan 4 yang beragama Islam di sekolah-sekolah yang dipilih di Daerah Kinta Utara. Kaedah pensampelan yang akan digunakan adalah kaedah pensampelan berkelompok. Pengkaji akan membahagi Daerah Kinta Utara kepada enam zon berdasarkan saranan pihak Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara (PPD KU). Seterusnya pengkaji menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah untuk menentukan sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat 346 orang murid terlibat dalam kajian ini yang menepati dan bersesuaian dengan bilangan populasi berdasarkan jadual pensampelan Krejchie dan Morgan (1960).

Pengkaji telah menghadkan tinjauan terhadap lima aplikasi utama untuk menjawab persoalan kedua kajian mengenai apakah jenis aplikasi media sosial yang paling diminati sebagai medium pembelajaran Pendidikan Islam. Aplikasi tersebut adalah aplikasi yang paling utama digunakan di Malaysia bagi tujuan jaringan dan komunikasi berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia pada tahun 2020. Aplikasi yang dipilih untuk menjawab persoalan





kajian tersebut ialah *Youtube, Whatsapp, Facebook, Intagram* dan *Telegram*.

## 1.12 Definisi Operasional

Definisi operasi adalah penjelasan mengenai istilah dan konsep berdasarkan konteks kajian (Hamidah Yusof, 2021) . Berikut merupakan definisi operasi bagi kajian ini.

### 1.12.1 Media Sosial

Media sosial dirujuk sebagai aplikasi berasaskan internet atau teknologi Web 2.0 yang digunakan untuk komunikasi interaktif (Ravenscroft et al. 2012). Disamping itu media sosial digunakan untuk penerokaan maklumat bersama, perkongsian pengalaman, interaksi untuk tujuan sosial atau pendidikan (Jiao et al., 2015). Komponen utama media sosial adalah penciptaan dan pertukaran kandungan yang dihasilkan pengguna. (Dixon, 2012). Media sosial dilihat berjaya menghubungkan seorang individu dengan beribu-ribu individu lain melalui perkembangannya yang semakin pesat. Peranan media sosial dilihat semakin penting untuk tujuan interaksi sosial dan perkongsian maklumat. (Noraien Mansor dan Normaliza Abd Rahim, 2019). Dalam kajian ini , media sosial yang dimaksudkan adalah medium interaksi sosial antara guru, murid dan sesama rakan serta fungsi *explore* yang terdapat di media sosial eksplorasi yang menjadi medium pembelajaran Pendidikan Islam. Aplikasi yang sering digunakan ialah *Facebook, Whatsapp, Youtube, Instagram* dan *Telegram*.





### 1.12.2 Medium pembelajaran

Medium pembelajaran bermaksud teknologi yang membawa mesej dan maklumat yang boleh dimanfaatkan bagi tujuan pembelajaran (Schramm, 1977). Mengikut kerangka *Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK)*, alat teknologi tertentu seperti perkakasan, perisian, aplikasi, amalan literasi maklumat yang berkaitan adalah baik digunakan untuk memberi petunjuk dan panduan kepada murid ke arah pemahaman yang lebih baik dan lebih mantap mengenai isi pelajaran (Mishra & Koehler, 2006). Penggunaan media sosial sebagai alat perantara untuk menyampaikan maklumat menyebabkan pembelajaran tidak sahaja tertumpu kepada bahan berbentuk teks sahaja (Noor Athirah Mokhtar et al., 2019). Dalam kajian ini media sosial dilihat sebagai medium perantara dalam menghubungkan guru dan murid serta sesama rakan



### 1.12.3 Pendidikan Islam

Pendidikan Islam adalah salah satu mata pelajaran teras yang ditawarkan pada peringkat pendidikan sekolah rendah dan menengah di Malaysia (Fathiyah Mohd Fakhruddin, 2012). Dalam kajian ini Pendidikan Islam ialah subjek teras yang dipelajari oleh murid-murid sekolah menengah khususnya menengah atas mengikut sukatan kurikulum terkini iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).





#### 1.12.4 Menengah Atas

Menengah atas adalah merujuk kepada murid-murid Tingkatan 4 dan 5 daripada pelbagai aliran iaitu aliran Agama, Sains Sastera, Teknik, Vokasional (Kementerian Pendidikan Malaysia). Dalam konteks kajian ini menengah atas dirujuk kepada murid-murid Tingkatan 4 yang mengikuti pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah di Daerah Kinta Utara sebagai responden kajian.

#### 1.13 Rumusan

Bab ini membincangkan tentang pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah yang membentuk kefahaman yang jelas terhadap keperluan kajian yang dijalankan. Selain itu, tujuan, objektif kajian dan persoalan kajian dijelaskan dengan terperinci untuk menjelaskan lagi halatuju kajian ini. Teori yang mendasari kajian ini adalah berdasarkan teori pendidikan *Talqin* dan *Rihlah* yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun dijelaskan dalam bahagian Kerangka Teoritikal Kajian. Kerangka Konseptual Kajian pula dibina untuk menggambarkan pemboleh ubah utama dalam kajian serta hala tuju kajian. Seterusnya dalam bab ini juga membincangkan batasan kajian yang ditetapkan dalam kajian ini untuk mengelakkan matlamat kajian tersasar. Kepentingan kajian juga dibincangkan untuk memberi justifikasi keperluan kajian ini perlu dijalankan terhadap bidang akademik dan secara praktikal di lapangan pendidikan. Akhir sekali definisi operasi memberikan takrifan bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian serta konsep kajian agar kajian dapat difahami lebih jelas.

